

Bagi menjamin keamanan dan kestabilan politik

Kerjasama kaum

19 APR 1986

perlu dikekalkan: PM

LABUAN, Jumaat.— Kerjasama semua kaum perlu dikekalkan di negeri ini bagi menjamin keamanan pembangunan dan kestabilan politik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, perpecahan kaum yang mungkin membawa kepada perang saudara boleh berlaku, jika kerjasama dan persefahaman erat di kalangan rakyat pelbagai kaum di Sabah tidak wujud.

Berucap merasmikan projek menaikkan taraf rangkaian jalan raya di seluruh Labuan di sini, Perdana Menteri berkata keadaan ini telah berlaku di negara-negara asing yang mempunyai penduduk pelbagai kaum.

Katanya, kegagalan kerajaan di negara berkenaan mengekalkan semangat kerjasama dan persefahaman di kalangan penduduknya, kerap kali menyebabkan mereka menghadapi pelbagai masalah.

"Kadangkala terjadi perang saudara yang menyebabkan pertumpahan darah, kerana masing-masing kaum terlalu mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kaum lain yang tinggal bersama di negara itu," katanya.

Perdana Menteri meminta setiap kaum, sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan kaum-kaum lain di negeri ini mengikis sikap dan perasaan mementingkan diri sendiri, bagi mengelakkan peristiwa 13 Mei, 1969 tidak berulang.

Berpecah-belah

"Mana-mana kerajaan pun tidak mahu rakyatnya berpecah-belah tetapi sikap yang suka mementingkan kaum sendiri, boleh mencetuskan perkara yang tidak diinginkan itu," katanya.

Melalui Barisan Nasional, katanya kerajaan akan berusaha sedaya upaya membendung perkara itu dengan mengamalkan konsep terbuka kepada semua rakyat melalui wakil rakyat masing-masing.

"Setiap wakil rakyat yang diberi mandat oleh rakyat boleh menyampaikan segala masalah rakyat yang diwakilinya secara terus kepada kerajaan melalui saluran-saluran tertentu," ujarnya.

Menyentuh rancangan pembangunan kerajaan Barisan Nasional, Perdana Menteri berkata setiap projek yang dijalankan adalah untuk kepentingan bersama, supaya kekayaan negara ini dapat dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

"Bagaimanapun segala projek pembangunan tidak dapat diteruskan sekiranya ada kaum yang mahukan kemajuan itu dinikmati oleh kaumnya sahaja.

"Sebagai sebuah kerajaan yang dibentuk oleh pelbagai parti politik, adalah sukar bagi kerajaan untuk memenuhi kehendak sesuatu kaum sahaja," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, sudah sampai masanya setiap rakyat di negara ini memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan, untuk memastikan segala rancangan pembangunan dapat diteruskan.

Mengenai projek pembangunan di Labuan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus berusaha memastikan segala projek yang sedang dan akan dilaksanakan, berjalan mengikut jadual.

Katanya, penduduk Labuan bernasib baik kerana walaupun bilangan pengundinya hanya 13,000 sahaja, mereka akan mempunyai wakil rakyat untuk menyalurkan masalah mereka kepada kerajaan.